



**Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah semasa mengisytiharkan penukaran nama Sekolah ke Fakulti di Dewan Resital (UMS) - Sumber: Portal UMS**

## **UMS: Transformasi Sekolah kepada Fakulti**

**oleh: Leolerry Lajius**

SELASA, 6 Mei - Selaras dengan transformasi akademik sempena ulangtahun ke-20 Universiti Malaysia Sabah (UMS), Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah telah mengisytiharkan penukaran nama Sekolah ke Fakulti dalam satu majlis di Dewan Resital.

Penggunaan istilah Fakulti tersebut menggantikan nama sekolah yang telah digunakan sejak penubuhan UMS pada tahun 1994. Penukaran nama Fakulti yang berkuatkuasa pada 1 Jun itu menyaksikan penyusunan semula 13 buah sekolah yang digabungkan kepada 10 buah fakulti yang baru.

Prof. Datuk Dr Mohd Harun berkata, penjenamaan semula nama itu adalah untuk memberi imej baru kepada UMS.

"Sebelum ini, kita menggunakan perkataan sekolah dan melihat perkataan fakulti adalah sesuatu yang dikaitkan dengan institusi pengajian tinggi," katanya.

10 fakulti yang baru itu merangkumi Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM) ditukar kepada Fakulti Kejuruteraan, Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) ditukar kepada Fakulti Komputeran dan Informatik. Sekolah Pertanian Lestari (SPL) di Sandakan ditukar kepada Fakulti Pertanian Lestari Gabungan Sekolah Sains dan Teknologi (SST) dan Sekolah Perhutanan dan Tropika Antarabangsa (SPTA) diubah kepada Fakulti Sains dan Sumber Alam, dan gabungan Sekolah Sains Sosial (SSS) serta Sekolah Pengajian Seni (SPS) diubah kepada Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Fakulti Psikologi dan Pendidikan

hasil gabungan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS) dan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS).

Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP) kepada Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) diubah kepada Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) kepada Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan dan Sekolah Perubatan (SPU) diubah kepada Fakulti Peubatan dan Sains Kesihatan.

Semasa majlis pengistiharan penggunaan nama fakulti tersebut Prof. Datuk Dr Mohd Harun juga turut menyampaikan watikah pelantikan 10 dekan fakulti iaitu Prof. Madya Dr. Azwan Awang dilantik sebagai pemangku dekan Fakulti Pertanian Lestari, Prof. Dato' Hj. Mohd. Hamdan Hj. Adnan sebagai dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Prof. Madya Dr. Syed Nasirin Syed Zainol Abidin sebagai dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, dan Prof. Dr. D Kamarudin D Mudin sebagai dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Prof. Madya Dr. Baba Musta pula mengetuai Fakulti Sains dan Sumber Alam, Prof. Madya Dr. Sharifuddin Md. Shaarani sebagai dekan Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan, Prof. Madya Dr. Rasid Mail sebagai dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Prof. Dr. Ismail Ibrahim sebagai dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Prof. Ir. Dr. Rosalam Sabartly sebagai dekan Fakulti Kejuruteraan, Prof. Madya Dr. Ag. Asri Ag. Ibrahim sebagai dekan Fakulti Komputeran dan Informatik.